

07/07/2001

PM enggan ulas rombakan Kabinet

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad enggan mengesah atau menafikan kemungkinan Kabinet dirombak secara besar-besaran termasuk bagi mengisi jawatan kosong di Kementerian Kewangan.

"Payahlah nak jawab soalan anda," kata Perdana Menteri kepada wartawan ketika ditanya mengenai spekulasi itu. Berita kemungkinan rombakan Kabinet tersebar luas sehingga Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) memberi reaksi positif sejak dua hari lalu.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata: "Kalau saya kata tak benar, pasaran saham jatuh... parahlah. Jika saya kata benar, ia mungkin tak benar."

"Tak tahulah... terpulang kepada pasaran untuk membuat spekulasi dan jika ia menaikkan harga saham, bagus untuk mereka (pemain saham)," katanya selepas melancarkan radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) - Radio Ikim.fm di sini, hari ini.

Indeks komposit BSKL semalam mencatat rekod tertinggi dalam tempoh tiga bulan apabila ditutup pada 617.14 mata berbanding 598.14 mata kelmarin. Ketika pasaran ditutup pada jam 5 petang ini, indeks komposit di BSKL itu terus melonjak untuk ditutup 9.67 mata lebih tinggi kepada 626.81 mata.

Berikutan tersebarnya khabar angin mengenai kemungkinan rombakan Kabinet itu, berlaku pembelian besar-besaran oleh beberapa dana institusi di kaunter mewah dan kaunter harga sederhana berpilih.

Ditanya mengapa beliau mengambil masa terlalu lama untuk melantik Menteri Kewangan baru menggantikan Tun Daim Zainuddin, Dr Mahathir berkata, beliau merasakan pelantikan itu tidak perlu disegerakan.

"Saya tak nampak perlu menyegerakannya. Kementerian Kewangan berfungsi dengan baik... anda boleh tanya kakitangan sama ada saya berupaya mengendalikan kerja dengan baik di Kementerian Kewangan atau tidak.

"Jika mereka menyatakan saya tidak memberi perhatian kepada tugas di Kementerian Kewangan, sudah pastinya ketika itu kita mungkin memerlukan seorang menteri kewangan baru," katanya.

Ketika memulakan sidang akhbar, Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Apa nak tanya? Pasal Menteri Kewangan bila nak lantik?"

Sambil menoleh ke arah Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakub dan beberapa pegawai Ikim di sebelahnya, beliau menyambung: "Dia orang (wartawan) tak percaya saya, dia ingat saya tak cukup kerja."

Dr Mahathir menjelaskan, Perdana Menteri memegang satu lagi jawatan tambahan bukanlah perkara luar biasa kerana ia sudah diamalkan sebelum ini.

"Saya juga pernah pegang jawatan Menteri Dalam Negeri. Memang biasa seorang Perdana Menteri memegang jawatan di kementerian lain. Saya tidak lagi Menteri Dalam Negeri, saya cuma menguruskan pejabat Perdana Menteri, maka saya mempunyai masa untuk fungsi kementerian lain (Kementerian Kewangan)," katanya.

Ditanya apakah ia bermakna beliau tidak akan mencari calon lain bagi menyandang jawatan Menteri Kewangan, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak berkata demikian" dan sekali lagi berseloroh apabila menyatakan "Jika anda (wartawan) mempunyai calon yang baik, tolong bagi tahu saya."

Beliau turut ditanya mengenai laporan dalam keluaran majalah Far Eastern Economic Review (FEER) bertarikh 5 Julai bahawa peletakan jawatan Daim ada kaitan dengan penyusunan semula sektor perbankan dan perniagaan anak keduanya, Mokhzani.

Dr Mahathir berkata: "Kaitlah, kaitlah anak saya Mokhzani, kaitlah anak saya Mirzan. Keseluruhan idea (laporan) itu adalah untuk menjadikan saya kelihatan jahat dan untuk menyingkir saya. Saya takut mereka mendapati sukar untuk menyingkirkan saya".

(END)